

Bil. (5) dlm. JK/IP.39/54-A

Jabatan Kehakiman,
Mahkamah Persekutuan,
Kuala Lumpur.
7hb Julai, 1979.

Kepada semua Penterjemah (Jurubahasa)

Pekeliling Pendaftar (A) No. 2/79

Per: Bahasa Inggeris

Adalah termaklum bahawa tiap-tiap seorang penterjemah (jurubahasa) hendaklah fasih bertutur dan tahu menggunakan Bahasa Inggeris dengan betul dan tepat dalam menjalankan tugasnya sehari-hari. Oleh kerana didapati bahawa mutu kebolehan penterjemah-penterjemah (Jurubahasa-Jurubahasa) menggunakan Bahasa Inggeris pada masa ini, terutama mereka yang baru diambil kerja, tidak begitu memuaskan maka adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap seorang penterjemah (jurubahasa) mempelajari Bahasa Inggeris dengan giatnya. Salah satu daripada jalan ialah dengan sentiasa berlatih bertutur dan mendengar percakapan-percakapan Bahasa Inggeris melalui televisyen dan sebagainya dalam masa lapang mereka.

Sebagaimana sedia maklum bahawa tiap-tiap Bahasa mempunyai peribahasa masing-masing, begitu jugalah Bahasa Inggeris yang mempunyai peribahasa-peribahasanya sendiri. Ini terkenal dengan nama "Idioms" ataupun "Idiomatic Expressions." Peribahasa-peribahasa ini kadangkala ada persamaan didalam lain-lain Bahasa dan ada pula yang tidak ada persamaan. Oleh itu peribahasa-peribahasa ini tidak dapat diterjemahkan literally bahkan berkehendakkan kepada pengertian maksudnya. Dalam hubungan ini amatlah mustahak tiap-tiap seorang penterjemah (jrubahasa) mempelajari dan mengetahui akan peribahasa-peribahasa itu. Banyak buku-buku peribahasa

Bahasa Inggeris yang boleh didapati daripada kedai-kedai buku dan salah satu daripadanya ialah buku yang bernama "English Idioms and How to Use Them" oleh W.McMordie Revised by R.C. Goffin dengan harga lebihkurang \$5.40. Mana-mana penterjemah dan jurubahasa yang tinggal di tempat-tempat dimana buku ini tidak dapat diperolehi bolehlah meminta supaya buku ini dibeli di Kuala Lumpur dengan jalan menulis kepada Encik Zainal Abidin bin Mohd. Isa, Pegawai Kerja Am di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur serta mengirim wang sebanyak \$5.40 untuknya. Adalah lebih baik sekiranya penterjemah-penterjemah disesuatu Mahkamah membuat pesanan berkumpul dan tidak berseorangan apabila membuat pesanan.

(Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Mustapha)

KETUA PENDAFTAR

s.k.

Semua Penolong Kanan Pendaftar;

" Yang di Pertua Mahkamah Sesyen;

" Majistret, Mahkamah Majistret;

" Setiausaha kepada Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi, Malaysia;

" Setiausaha Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan;

Setiausaha Hakim Besar Malaya;

Setiausaha Ketua Hakim Negara;

Setiausaha Hakim Besar Borneo.